



Nestlé Good food, Good life

## Siaran Akhbar

Petaling Jaya, 26 Januari 2024

### **MILO Anjurkan Pengalaman Terhebat bagi Peminat Bola Sepak Remaja**

*Mencetus Kecemerlangan Demi Melahirkan Juara Masa Depan*

**PETALING JAYA, 26 JANUARI 2024** – Bagi meraikan kemahiran atlet-atlet muda yang menyertai acara sukan MILO, jenama kegemaran ramai tersebut baru-baru ini menganjurkan acara *MILO x FAM Ultimate Experience* bagi pemain bola sepak kanak-kanak dan remaja. Diiktiraf sekian lama sejak 1950-an kerana kegigihannya menyemai minat dalam bidang sukan dan memupuk nilai-nilai murni yang dikaitkan dengan semangat kesukanan, MILO membawakan pengalaman unik ini untuk memberi inspirasi kepada anak-anak muda di Malaysia agar mencapai kecemerlangan dalam arena sukan tempatan sambil memupuk nilai-nilai asas yang boleh dimanfaatkan sepanjang hayat menerusi aktiviti sukan.

Dengan kerjasama Persatuan Bola Sepak Malaysia Malaysia (FAM), *MILO x FAM Ultimate Experience* telah merangka sebuah program eksklusif bagi 106 kanak-kanak berbakat berusia antara 6 hingga 16 tahun, yang telah muncul sebagai pemenang dalam *MILO Junior Champions League 2023*. Liga yang merupakan inisiatif bersama anjuran MILO dan FAM, telah disertai 9,000 remaja di seluruh negara dalam lima kategori, memberikan mereka platform untuk menguji dan menyerlahkan kemahiran bola sepak masing-masing. Juara-juara remaja tersebut dibawa untuk menikmati Pengalaman Terhebat di ibu pejabat FAM, sambil menyelami segalanya tentang dunia bola sepak.

Para peserta diberi peluang unik untuk menyertai kelas pakar bola sepak di bawah bimbingan jurulatih bola sepak kebangsaan, yang berkongsi maklumat dan kemahiran berharga untuk meningkatkan prestasi permainan mereka. Susulan kelas tersebut, atlet-atlet muda itu dibawa melawat dan meninjau kemudahan canggih yang disediakan di ibu pejabat FAM. Selain itu, bekas para pemenang MILO Hidup Bola yang kini bermain secara profesional bersama pasukan kebangsaan, turut hadir menyambut kanak-kanak dan memberi inspirasi kepada mereka dalam perjalanan mereka sebagai bakat muda yang sedang membangun.

Pengalaman ini turut meraikan kejayaan pasukan kebangsaan Malaysia melayakkan diri ke Piala Asia AFC 2023 selepas 42 tahun. Sempena pencapaian ini, juara-juara remaja tersebut telah dijemput menyaksikan siaran langsung tertutup di Sekolah Sukan Bukit Jalil, di mana mereka menyertai rakan-rakan pelajar dan menikmati perlawanan yang menarik antara Malaysia dan Bahrain dalam Piala Asia AFC 2023.

"MILO berbesar hati dapat bekerjasama dengan FAM untuk membawakan pengalaman luar biasa ini bagi memberi inspirasi kepada juara-juara remaja kita. Malah acara ini lebih bermakna lagi sambil kita menyambut kejayaan terbaharu Harimau Malaya dalam sukan bola sepak. Sejak penubuhan kami pada 1950, MILO berpegang teguh kepada keyakinan untuk mencungkil bakat-bakat bola sepak muda hari ini dengan menyemai minat sejati untuk permainan ini dan juga membina nilai-nilai murni yang boleh membantu mereka dalam kehidupan mereka kelak," kata Kerwin Lim, Pengurus Pemasaran Sukan MILO, Nestlé (Malaysia) Berhad.

MILO berhasrat untuk bukan sahaja meraikan kejayaan sukan bola sepak Malaysia tetapi juga memupuk semangat patriotik dalam kalangan peminat sukan muda yang amat menyukai permainan ini. Sebagai jenama tempatan, MILO telah

menjadi peneraju pembangunan sukan peringkat akar umbi di Malaysia selama lebih 70 tahun, dengan menggalakkan keterangkuman dan mencerminkan komitmen untuk memupuk pembangunan bakat muda. Selaras dengan falsafah, "Hari Ini Gigih Bersukan, Hari Esok Kuasai Kehidupan", *MILO x FAM Ultimate Experience* mencerminkan komitmen jenama untuk melangkah lebih jauh, membawakan pengalaman hebat bagi kanak-kanak, ibu bapa dan jurulatih.

Selain daripada *MILO x FAM Ultimate Experience*, MILO turut membawa sambutan kepada masyarakat umum dengan mengadakan pesta tontonan di 17 restoran tempatan di seluruh negara. Acara yang meriah itu menghimpunkan para peminat bola sepak untuk menyokong pasukan Harimau Malaya yang beraksi di Piala Asia AFC 2023.

Acara-acara yang meraikan pencapaian Harimau Malaya memperlihatkan kesungguhan MILO memupuk semangat juara di peringkat akar umbi dan menggalakkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia menerusi minat terhadap sukan bola sepak.

Untuk maklumat lanjut mengenai inisiatif pembangunan sukan peringkat akar umbi dan aktiviti penglibatan masyarakat MILO, sila layari [www.milo.com.my](http://www.milo.com.my).

###

#### **Mengenai MILO®**

MILO® ialah minuman malt coklat berkhasiat yang terkenal di Malaysia yang digemari kerana kehebatan rasanya yang tersendiri. Dipenuhi dengan khasiat kebaikan barli malt, susu dan koko dengan adunan unit 6 vitamin dan 3 mineral, MILO® telah membekalkan tenaga kepada juara sejak turun-temurun, memberikan dorongan untuk mereka terus melangkah lebih jauh. Selama lebih 70 tahun, MILO® telah melangkah maju seiring Malaysia dan memainkan peranan penting dalam usaha membina warisan sukan negara, menyediakan pemakanan dan juga platform kepada para atlet untuk mencapai kejayaan dan meningkat naik menerusi pelbagai program sukan akar umbi MILO®.

### **Mengenai Nestlé Malaysia**

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari [www.nestle.com.my](http://www.nestle.com.my) atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

---

### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

#### **Shaheen Zaffar**

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: (+603) 7965 6456

+6012 235 6865

E-mel: [shaheen.mohamedzaffar@my.Nestlé.com](mailto:shaheen.mohamedzaffar@my.Nestlé.com)

#### **Deepa Mukundan atau Yasmin Kadir**

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348

+6010 426 5857 (Deepa) atau

+6017 237 9048 (Yasmin)

E-mel: [acorncommunications@acornco.com.my](mailto:acorncommunications@acornco.com.my)